

Kod Pusat	
Angka Giliran	
No. KP	

PA

Kelolaan Bersama

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

dengan

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2018**

PENGETAHUAN AM

Masa: 1 jam

Arahan:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarah	
-----------------	--

Markah



BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dan tuliskan huruf (A, B, C atau D) dalam petak yang disediakan.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengisytiharkan Sukan _____ sebagai hobi negara pada 8 Oktober 2017.

- A. Badminton
 B. Berbasikal
 C. Bola Jaring
 D. Bola Sepak

2. Satu lagi sejarah pembangunan infrastruktur terlakar di Negara Brunei Darussalam iaitu jambatan yang menghubungkan antara _____ dan Jalan *Residency* kini dikenali sebagai Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang dirasmikan pada 14 Oktober 2017.

- A. Sungai Besar
 B. Sungai Lampai
 C. Sungai Kebun
 D. Sungai Kedayan

3. Kampung Selapon yang terletak di Daerah Temburong termasuk dalam _____.

- A. Mukim Bangar
 B. Mukim Batu Apoi
 C. Mukim Bokok
 D. Mukim Labu

4. Bangunan Baharu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam _____ telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 13 Julai 2017.

- A. Fasa 1
 B. Fasa 2
 C. Fasa 3
 D. Fasa 4

5. Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin adalah _____.
- A. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri
 B. Menteri Hal Ehwal Luar Negeri
 C. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
 D. Menteri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan
6. Pulau Pulong-Pilongan juga dikenali sebagai _____, terletak kira-kira 8 kilometer dari Pantai Serasa.
- A. Pulau Andulau
 B. Pulau Chermin
 C. Pulau Pulong Rock
 D. Pulau Sipadan
7. Taman Mahkota Jubli Emas telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada _____.
- A. 15 Julai 2017
 B. 21 Oktober 2017
 C. 23 Februari 2017
 D. 31 Mei 2017
8. Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara ke-8, 1439 Hijrah/2017 Masihi ialah _____.
- A. Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili
 B. Ak Adi Nazri bin Pengiran Haji Yahya
 C. Ak Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marzuki
 D. Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi
9. _____ telah diumumkan sebagai Bank Terkukuh di Asia Pasifik oleh *Balance Sheet* dengan kedudukan di tangga ke 14 daripada 500 bank.
- A. Baiduri Bank
 B. Bank Islam Brunei Darussalam
 C. HongKong & Shanghai Banking Corporation
 D. Standard Chartered Bank

10. Negara Brunei Darussalam telah meraikan detik bersejarah iaitu Sambutan _____ pada 5 Oktober 2017.
- A. Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta
 B. Jubli Gangsa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta
 C. Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta
 D. Jubli Tembaga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta
11. Majlis Mengangkat Sumpah Kabinet Baharu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab negara bagi tempoh _____ tahun telah berlangsung pada 1 Februari 2017 di Istana Nurul Iman.
- A. empat
 B. enam
 C. lima
 D. tiga
12. Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud adalah _____.
- A. Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
 B. Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei
 C. Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei
 D. Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei
13. Kontinjen Negara Brunei Darussalam berjaya meraih dua pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa pada Kejohanan _____ Jemputan China-ASEAN Ke-4, Tahun 2017.
- A. Badminton
 B. Sepak Takraw
 C. Taekwondo
 D. Wushu
14. Jerayawara _____ anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI diadakan pada setiap tahun.
- A. Kenali APEC
 B. Kenali ASEAN
 C. Kenali Brunei
 D. Kenali Middle East

15. Dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memperkenalkan satu kaedah dan prosedur baharu untuk membuat permohonan lesen hiburan (berkala) di bawah _____ (Penggagal 181) secara dalam talian yang akan menggunakan sistem OneBiz bermula 15 Februari 2018.

- A. Akta Hak Awam
- B. Akta Hiburan Awam
- C. Akta Kawalan Awam
- D. Akta Perlindungan Awam

16. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim adalah _____.

- A. Penasihat Jabatan Perdana Menteri
- B. Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- C. Penasihat Majlis Mesyuarat Negara
- D. Penasihat Utama Menteri Kabinet

17. Tema Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-34 ialah '_____'.
'_____'

- A. Belia Berwawasan
- B. Generasi Berwawasan
- C. Menjayakan Wawasan Negara
- D. Negaraku Berwawasan

18. Projek Rintis Sistem Smart Q _____ mula dilancarkan pada 31 Julai 2017.

- A. Bahagian Kad Pengenalan
- B. Bahagian Passport
- C. Bahagian Pekerja Asing
- D. Bahagian Visa

19. Negara Brunei Darussalam telah menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29, Kuala Lumpur 2017 dan berjaya membawa pulang _____ pingat keseluruhan.

- A. 2
- B. 10
- C. 14
- D. 25

20. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kokurikulum telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Buku Bacaan _____ bagi membangkitkan semangat jati diri bangsa, ugama dan tanah air.

- A. Ilhamku
- B. Inspirasiku
- C. Matlamatku
- D. Wawasanku

21. Pada tahun 2017, Negara Brunei Darussalam sekali lagi menjadi tuan rumah Mesyuarat Sekretariat Ke-23 _____ yang merupakan mesyuarat pendahuluan yang dilaksanakan secara berkala.

- A. ASEAN
- B. BIMP-EAGA
- C. COMMONWEALTH
- D. MABBIM

22. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan bulan _____ sebagai Bulan Bahasa dalam titah Baginda semasa Sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2011.

- A. Februari
- B. Januari
- C. Julai
- D. Jun

23. Sehingga penghujung tahun 2016, Industri Halal Tempatan telah berjaya menjana pendapatan sekitar _____ yang dihasilkan oleh 35 buah syarikat dengan tenaga kerja seramai 835 orang.

- A. BND 20 juta
- B. BND 88 juta
- C. BND 90 juta
- D. BND 120 juta

24. _____ terletak di Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjong Maya.

- A. Taman Peranginan Nak Pulau
- B. Taman Peranginan Tasik Lama
- C. Taman Persiaran dan Menara Cendera Kenangan
- D. Taman Riadah Tasik Sarubing



25. Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa bermula 15 Januari 2018, _____ yang bertempat di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas memulakan Sistem Perjanjian kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan Suntikan Vaksinasi yang diperlukan.

- A. Pusat Suntikan Awam
- B. Pusat Suntikan Berakas
- C. Pusat Suntikan Muara
- D. Pusat Suntikan Kecemasan

26. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mulai 28 September 2017, Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan kini digabungkan menjadi _____.

- A. Pihak Berkuasa Jabatan Laut dan Pelabuhan
- B. Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam
- C. Pihak Berkuasa Pembangunan Brunei
- D. Pihak Berkuasa Perhubungan Brunei

27. Menurut Kaji Selidik '*Household ICT Survey 2016 Report*' yang dijalankan oleh _____, tiga aplikasi media sosial dan pemesejan yang popular di rumah-rumah di negara ini ialah *Whatsapp*, *Facebook* dan *Instagram*.

- A. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)
- B. Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI)
- C. Universiti Brunei Darussalam (UBD)
- D. Unversiti Teknologi Brunei (UTB)

28. _____ Kampung Sengkarai dibina atas tanah berkeluasan lima ekar dan siap sepenuhnya pada 3 Februari 2017 dengan perbelanjaan berjumlah BND3,822,535.00 yang menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei melalui Wang Zakat Asnaf Al-Gharimin.

- A. Masjid Ash Shaliheen
- B. Masjid Hassanal Bolkiah
- C. Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- D. Masjid Sultan Sharif Ali

29. Perintah _____ 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 hendaklah dikenakan kepada seseorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah agama, yang lahir pada atau selepas 1hb Januari 2010 yang tinggal di Negara Brunei Darussalam dan yang ibubapanya, sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka, adalah Warganegara Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap.

- A. Pendidikan Sekolah Rendah
- B. Pendidikan Sekolah Tadika
- C. Pendidikan Agama Rendah
- D. Pendidikan Agama Wajib

30. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan _____ Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sebulat suara meluluskan peruntukan belanjawan negara sejumlah BND5,300,000,000.00 bagi Tahun Kewangan 2017/2018 yang berkuatkuasa pada 1 April 2017.

- A. Ke-2
- B. Ke-3
- C. Ke-4
- D. Ke-5

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN B

Tulis **BETUL** atau **SALAH** di ruangan yang disediakan di bawah ini:

31. Solat Sunat yang disunatkan berjemaah itu ialah Solat Hari Raya Puasa, Solat Hari Raya Haji, Solat Meminta Hujan, Solat Gerhana dan Solat Tarawih.

32. Negara Brunei Darussalam dan Kemboja telah menandatangani Perjanjian Pengelakan Cukai Berganda dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan di Kementerian Ekonomi dan Kewangan, Kemboja.

33. Sijil Halal tidak perlu dipohonkan oleh pemilik mana-mana perniagaan yang menyediakan makanan di suatu tempat seperti restoran, gerai atau kantin. Permohonan tersebut termasuk dalam kategori mana-mana orang yang menjalankan perniagaan membuat dan menjual makanan dari rumah terus kepada pelanggan, tanpa diedarkan kepada pemborong atau peruncit.

34. Bermula 1 Mac 2017, saluran RTB4 *International* kini boleh diikuti melalui saluran *terrestrial* di negara ini dan secara *online*. Siaran melalui satelit dihentikan perkhidmatannya pada 28 Februari 2017.

35. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengingatkan orang ramai bahawa mata wang kripto seperti *Bitcoin*, *Bitcoin Cash* dan *Ether* sejenis mata wang *digital* adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan dikawal oleh AMBD.

(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN C

Jawab soalan-soalan berikut di ruangan yang disediakan.

36. Radio Televisyen Brunei telah melancarkan penjenamaan baharu saluran-saluran RTB sebagai langkah untuk mengemas kini perkhidmatan siaran televisyen ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti yang lebih fokus dan kos-efektif. Nyatakan **dua** daripada tiga **saluran** tersebut.

(a) _____

(b) _____

37. Jabatan Perdana Menteri mempunyai 21 jabatan di bawahnya. Nyatakan **dua** daripada 21 **jabatan** tersebut.

(a) _____

(b) _____

38. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyandang empat **jawatan utama**. Nyatakan **dua** daripadanya.

(a) _____

(b) _____

39. Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Nyatakan **dua** daripada tiga **Wawasan** Negara 2035.

(a) _____

(b) _____

40. Berikan **nama lengkap** bagi singkatan huruf di bawah ini.

(a) LKEB = _____

(b) PBCTA = _____

(20 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--



BAHAGIAN D

Jawab semua soalan berikut:

41. Negara Brunei Darussalam telah mengambil bahagian dalam **14 sukan** pada **Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) ke-29, Kuala Lumpur 2017**. Nyatakan 5 daripadanya.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

42. Jawab soalan-soalan berikut yang berhubung kait dengan **perkembangan Islam**.

- (a) _____ ertinya ketetapan Allah yang azali bagi semua makhluk dan segala hal yang berlaku padanya.
- (b) Al-Mizan ialah _____ yang akan menimbang segala dosa dan pahala seseorang di akhirat kelak untuk menentukan sama ada akan masuk ke Syurga atau Neraka.
- (c) _____ ialah tempat perhimpunan pada hari akhirat kelak di mana manusia akan dibicarakan di atas segala amalan mereka serta diberi pembalasan terhadap perkara yang telah dilakukan semasa di dunia.
- (d) Sifat-sifat rasul itu ada empat iaitu Siddiq (benar), _____ (Jujur), Tabligh (Menyampaikan) dan Fathanah (Bijaksana).
- (e) Kitab merupakan petunjuk Allah SWT kepada umat manusia dan kitab yang wajib dipercayai ada empat buah iaitu Kitab _____, Kitab Zabur, Kitab Taurat dan Kitab Injil.

(10 markah)

43. Virus Zika tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda atau simptom tetapi sebahagian kecil pesakit mengalami beberapa simptom. Nyatakan **lima** daripada simptom-simptom tersebut.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

(e) _____

(5 markah)

44. Berdasarkan Lembaga Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang bermula pada tahun 1984, etnik Negara Brunei Darussalam terdiri daripada **tujuh puak** atau **rumpun jati** secara **rasmi di bawah pendaftaran kebangsaan**. Nyatakan **lima** daripada tujuh puak jati tersebut.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

(e) _____

(5 markah)



45. Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) terdiri daripada tujuh kampus yang ditadbir oleh dua buah rangkaian sekolah utama iaitu Pusat IBTE dan Satelit IBTE. Senaraikan **lima** daripada tujuh IBTE **kampus** tersebut.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

(e) _____

(5 markah)


(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN E

46. Isikan petak yang kosong dengan jawapan yang sesuai pada peta di bawah ini.

SELAT MELAKA	KEMBOJA	LAUT SULU	SUMATRA	VIETNAM
---------------------	----------------	------------------	----------------	----------------



(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

SELESAI

027

A000

